

SOALAN NO : 6 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 06

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rasionalnya pemegang kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memperbaharui kad mereka setiap tahun bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan bantuan secara bulanan.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan permohonan pendaftaran sebagai OKU dan bilangan kelulusan setiap tahun mulai tahun 2018.

SOALAN NO : 6 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 20

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Sekijang** bersekali dengan pertanyaan **YB Gopeng** bertarikh hari ini, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) adalah tertakluk kepada **Akta OKU 2008 [Akta 685]** dan ia dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.

Berhubung pertanyaan daripada YB Sekijang, tiada keperluan untuk pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperbaharui kad mereka setiap tahun bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan kewangan secara bulanan. Pembaharuan kad OKU hanya perlu dilakukan sekiranya terdapat **perubahan kategori atau sub-kategori OKU**. Pemegang kad juga **boleh membuat penukaran kad sekiranya ingin menukar alamat atau gambar terkini**.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Gopeng, mengikut statistik Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), **sehingga 30 September 2021, sejumlah 582,944 OKU** telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Secara keseluruhannya, dari tahun 2018 hingga 13 Oktober 2021, sejumlah **163,647 permohonan pendaftaran OKU** telah diterima dan **153,627** telah diluluskan permohonan. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan bagi OKU yang berdaftar dan menepati syarat-syarat bantuan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

SOALAN NO : 6 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 20

Sehingga Ogos 2021, seramai 92,265 OKU yang bekerja dengan pendapatan RM1,500 dan ke bawah telah menerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) sebanyak RM450.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM329.6 juta.

Manakala seramai 83,929 OKU yang tidak bekerja telah menerima Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM300.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM202.5 juta.

Selain itu, seramai 25,835 penjaga OKU atau pesakit terlantar telah menerima Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebanyak RM500.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM106.8 juta.

Ini bermaksud seramai **202,029** OKU iaitu **hampir 35% OKU yang berdaftar atau penjaganya telah menerima bantuan JKM berjumlah RM638.9 juta sehingga Ogos 2021**.

Sekian, terima kasih.